

12 acara menarik Tamu Gadang UMSKAL 2013

LABUAN: Sebanyak 12 acara menarik akan diadakan sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2013 pada 13-17 November ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali (gambar) berkata pada 13 November (Rabu) akan diadakan expo pendidikan, gerai jualan dan UMSKAL Got Talent manakala Khamis (14 Nov) berlangsung ceramah bersama wira Ops Daulat dan forum ilmiah yang menampilkan Pemangku Pengurus PPZ Labuan, Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Sofian dan Kaunselor UMS, Zikri Zainudin.

Pada Juinaat jam 2 petang akan diadakan demonstrasi menyelamat Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan battle of the band bermula jam 8 malam.

Dr Ismail berkata, pada Sabtu bermula jam 7 pagi akan diadakan pertandingan memancing, photo hunt, mini golf (jemputan), dodgeball (jemputan), bola sepak dan bola jaring pantai.

Turut diadakan ialah peraduan mewarna, bercerita kanak-kanak, autoshow dan karaoke.

Beliau berkata Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan akan menyempurnakan majlis penutupan Tamu Gadang di Dewan Utama pada Sabtu bermula pukul 7.30 malam.

Katanya, majlis penutupan itu akan dihadiri Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Oleh itu, Dr Ismail mengalu-alukan kehadiran dan sokongan warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk memeriahkan Tamu Gadang 2013 .

“ Saya bagi pihak Naib Canselor UMS mengalu-alukan kehadiran dan penyertaan warga Labuan sekaligus memeriahkan Tamu Gadang UMSKAL 2013,” katanya.

Mereka yang memerlukan keterangan lanjut boleh menghubungi urusetia di talian 087-460409/466775 pada waktu pejabat.